

# **Pengenalan dan Perkembangan Sistem Pendidikan Inggeris di Brunei, 1906-1959**

**Oleh**

**Jatswan S. Sidhu**

Negara Brunei Darussalam memasuki era baru dalam sejarahnya menjelang 1906 apabila sistem Residen diperkenalkan di negara tersebut. Ini berlaku akibat daripada penerimaan perlindungan British oleh Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin (bertakhta 1885-1906) apabila baginda menandatangani Perjanjian Penerimaan Perlindungan British 1905 dan 1906.<sup>1</sup> Melalui perjanjian ini, Sul-

---

1. Antara tulisan yang dengan baik membincangkan latar belakang penerimaan perlindungan British oleh Brunei adalah seperti berikut: D.S. Ranjit Singh, *Brunei 1839-1983, The Problems of Political Survival*, Singapore, Oxford University Press, 1984; Nicholas Tarling, *Britain, the Brookes and Brunei*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1971; Graham Saunders, *A History of Brunei*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1994; Colin Crisswell, "The Establishment of a Residency in Brunei: A Study in Relations between Brunei, North Borneo, Sarawak and Britain, 1881-1905", Tesis Ph.D. University of Hong Kong, 1971; Colin Crisswell, "The Establishment of a Residency in Brunei: 1895-1905", *Asian Studies*, Jld. 10, 1972, hlm. 95-107; G. Irwin, *Nineteenth Century Borneo: A Study of Diplomatic Rivalry*, Singapore, Donald Moore Books, 1965 K.G. Tregonning, "The Partitioning of Brunei", *Malayan Journal of Tropical Geography*, Jld. 11, April 1958, Donald E. Brown, "Socio-Political History of Brunei, A Bornean Malay Sultanate", Tesis Ph.D. Cornell University, 1969, Ann Arbor, Michigan, University Microfilms, 1969, Bab 8.

tan menerima seorang penasihat British bergelar Residen yang akan menasihati baginda Sultan dalam semua hal ehwal pentadbiran kecuali yang menyentuh agama Islam.<sup>2</sup>

Pengenalan sistem Residen British ini telah membawa kepada berlakunya banyak perubahan menarik di Brunei atau dengan kata lain merupakan suatu permulaan kepada perkembangan sejarah Brunei moden.<sup>3</sup> Melalui sistem Residen, bukan sahaja sistem pentadbiran dikemaskinikan mengikut ciri-ciri Barat, malah Brunei juga menyaksikan pengenalan sistem pendidikan moden.<sup>4</sup> Sehubungan itu, tulisan ini akan melihat pengenalan serta perkembangan sistem pendidikan Inggeris di Brunei pada zaman sistem Residen iaitu dari 1906 sehingga 1959. Oleh yang demikian, perkembangan sistem pendidikan Inggeris akan dilihat daripada dua tahap iaitu tahap pertama dari 1906 hingga 1940 dan tahap kedua dari 1946 hingga 1959.

### i. Tahap Pertama, 1906-1940

Walaupun sistem Residen diperkenalkan di Brunei pada 1906, namun hanya selepas 24 tahun iaitu pada 1930 sahaja, barulah lahir ura-ura menujuhkan sekolah Inggeris yang pertama di Brunei. Namun demikian, ini bukan bererti

2. Untuk teks perjanjian ini, lihat W.G. Maxwell & W.S. Gibson, *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, London, Jes. Trusscott, 1924, hlm. 151-152. Lihat juga D.S. Ranjit Singh, *Brunei, 1839-1983*, hlm. 236 dan; Jatswan S. Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi Brunei, 1906-1959*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka, 1995, hlm. 123-124.

3. Di antara tulisan asas mengenai sejarah Brunei pada zaman ini adalah seperti, Jatswan S. Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi Brunei*, dan; A.V. M. Horton, *The British Residency in Brunei, 1906-1959*, Hull, Centre for South-East Asian Studies, The University of Hull Occassional Paper No. 6, 1984. Lihat juga, A.V.M. Horton, "British Administration in Brunei, 1906-1959" *Modern Asian Studies*, Jld. 20, Bhg. 2, April 1986; Jatswan S. Sidhu, "Proses Perbandaran di Brunei: Kelahiran dan Perkembangan Bandar Brunei, Kuala Belait dan Seria, 1906-1959". *Purba* (Jurnal Persatuan Muzium Malaysia), Bil. 12, 1993, hlm. 83-93 dan; Jatswan S. Sidhu, "Pengenalan dan Perkembangan Sistem Pendidikan Vernakular Melayu di Brunei, 1906-1959", *Malaysia Dari Segi Sejarah* (Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia), Bil. 23, 1995, hlm. 90-102.

4. Lihat Jatswan S. Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi Brunei*, hlm. 11-17.

bahawa sepanjang masa tersebut kerajaan Brunei telah mengabaikan pengajaran Bahasa Inggeris kerana sejak 1928 lagi kelas Bahasa Inggeris asas (*elementary English*) telahpun diajar di Bandar Brunei. Kelas yang diadakan pada waktu petang ini diwajibkan kepada kakitangan bawahan dalam perkhidmatan awam dan juga anggota polis.<sup>5</sup>

Selain itu, disebabkan ketiadaan pendidikan menengah Melayu<sup>6</sup> di Brunei pada masa itu, maka beberapa orang pelajar yang mencapai keputusan cemerlang telah dipilih dari sekolah rendah Melayu untuk di hantar ke Labuan bagi mengikuti pendidikan menengah di Sekolah Inggeris Labuan (*Labuan English School*). Umpamanya, pada 1929 dua orang pelajar sekolah Melayu Brunei yang mendapat keputusan cemerlang telah dihantar mengikuti pengajian mereka di Sekolah Inggeris Labuan atas biasiswa kerajaan. Ini berterusan sehingga menjelang tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua disebabkan oleh ketiadaan sekolah menengah Inggeris di Brunei.<sup>7</sup> Pegawai-pegawai bangsa Eropah yang berkhidmat dengan kerajaan Brunei juga didapati menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Inggeris Labuan.

Sekolah Inggeris yang pertama di Brunei dibuka pada 1931 atas daya usaha *British Malayan Petroleum Company* (BMPC) yang ketika itu menjalankan usaha-usaha pengerudian minyak di Seria, Daerah Belait. Sekolah ini dibuka di Kuala Belait dengan 21 orang pelajar (lelaki dan perempuan) dan diletakkan di bawah pengelolaan Encik Synott, seorang paderi Kristian di Kuala Belait. Pembiayaan sekolah ini ditanggung oleh pihak BMPC dengan sedikit sumbangan kewangan daripada kerajaan Brunei.<sup>8</sup> Sekolah ini didirikan di Kuala Belait kerana di sana terletaknya ibu pejabat BMPC dan juga tempat tinggal ramai pekerja BMPC bangsa Eropah. Setahun kemudian iaitu pada 1932, jumlah

5. *Brunei Annual Report* (selepas ini dirujuk sebagai *BAR*), 1928, hlm. 22, C.O. 824/1, f. 281.

6. Sekolah Melayu yang pertama di Brunei yang terletak di Bandar Brunei telahpun ditubuhkan sejak 1914 lagi, lihat *BAR*, 1914, hlm. 5, C.O. 824/1, f. 74. Lihat juga Jatswan S. Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi Brunei*, hlm. 84 dan; Jatswan S. Sidhu, "Pengenalan dan Perkembangan Sistem Pendidikan Vernakular Melayu di Brunei, 1906-1959", hlm. 92.

7. *BAR*, 1929, hlm. 20-21, C.O. 824/1, f. 303.

8. *BAR*, 1931, hlm. 16, C.O. 824/1, f. 48.

pelajar sekolah tersebut meningkat menjadi seramai 46 orang<sup>9</sup> dan pada 1935 pula jumlah pelajarnya adalah seramai 50 orang (lihat Jadual 1 di bawah).<sup>10</sup>

Dalam pada itu pula, pada 1935 sekolah Inggeris yang kedua iaitu Roman Catholic English School dibuka di Kuala Belait dan dibiayai oleh Roman Catholic Mission. Ia dikelolakan oleh seorang paderi Kristian bernama Reverend Father Sotter dan mempunyai pelajar seramai 37 orang (29 orang pelajar lelaki dan lapan orang pelajar perempuan).<sup>11</sup> Menjelang 1935, dilaporkan bahawa para pelajar di sekolah ini dan juga sekolah tajaan BMPC dikehendaki membayar yuran tahunan sebanyak satu dolar (matawang Negeri-negeri Selat).<sup>12</sup> Seterusnya, hanya menjelang 1938 barulah Brunei menyaksikan penubuhan sekolah Inggeris ketiga dan kali ini di Bandar Brunei. Sekolah yang dinamakan Sekolah Katolik Brunei (Catholic School Brunei) ini juga didirikan atas usaha Roman Catholic Mission.<sup>13</sup>

Menjelang Perang Dunia Kedua, hanya terdapat tiga buah sekolah Inggeris di Brunei dengan bilangan pelajar seramai 176 orang (lihat Jadual 1).<sup>14</sup> Dua daripada sekolah ini, iaitu kedua buah sekolah Inggeris yang diusahakan oleh Roman Catholic Mission di Bandar Brunei dan Kuala Belait ditubuhkan bagi tujuan pengembangan agama Kristian, manakala Sekolah Inggeris Kuala Belait (Kuala Belait English School) pula bertujuan memberi pendidikan kepada anak kakitangan BMPC di Belait, khususnya yang berbangsa Eropah.

Hampir kesemua para pelajar yang menghadiri ketiga-tiga buah sekolah Inggeris ini adalah bangsa Eropah khususnya anak-anak kakitangan kerajaan dan BMPC. Walaupun terdapat tiga buah sekolah Inggeris di Brunei dalam jangka masa ini, namun tiada satupun yang dikendalikan sepenuhnya oleh kerajaan. Hanya Sekolah Inggeris Kuala Belait sahaja menerima sedikit sumbangan kewangan dari pada kerajaan sedangkan penyumbang utama kepada sekolah ini ialah BMPC. Oleh kerana itulah sekolah-sekolah ini mengenakan

9. *BAR*, 1932, hlm. 18, C.O. 824/1, f. 92.
10. *BAR*, 1935, hlm. 17, C.O. 824/2, f. 216.
11. *BAR*, 1934, hlm. 22, C.O. 824/2, f. 281.
12. *BAR*, 1935, hlm. 17, C.O. 824/2, f. 216.
13. *BAR*, 1938, hlm. 35, C.O. 824/2, f. 175.
14. *Ibid.*

yuran sebanyak \$1.00 hingga \$1.50 sen ke atas para pelajarnya sedangkan pendidikan Melayu yang ditaja sepenuhnya oleh kerajaan diberikan secara percuma (termasuk buku teks).<sup>15</sup> Melalui satu kenyataan oleh BMPC yang merujuk kepada pembayaran yuran di sekolah itu didapati bahawa "no exemption is granted as the school is intended for children of the more wealthy class".<sup>16</sup> Tambahan pula, ketiga-tiga buah sekolah ini hanya menawarkan pendidikan di peringkat sekolah rendah sahaja dan bagi mengikuti pengajian sekolah menengah, para pelajar terpaksa ke Sekolah Inggeris Labuan atas tanggungan sendiri. Cuma dua orang pelajar cemerlang dari sekolah Melayu sahaja dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan. Rata-rata pelajar sekolah rendah Melayu dan Cina yang tamat pengajian rendah mereka terpaksa menghentikan pengajian mereka kerana ketiadaan sekolah menengah di Brunei pada zaman sebelum perang.

**Jadual 1: Jumlah Pelajar (Lelaki & Perempuan) di Sekolah-sekolah Inggeris di Brunei, 1931-1938**

Tahun	Pelajar Lelaki (orang)	Pelajar Perempuan (orang)	Jumlah Keseluruhan
1931	-	-	21
1932	-	-	46
1933	57	15	72
1934	45	12	57
1935	74	16	90
1936	71	9	80
1937	74	14	88
1938	142	34	176

Sumber: *Brunei Annual Report*, 1931-1938, C.O. 824/2.

15. Jatswan S. Sidhu, "Pengenalan dan Perkembangan Sistem Pendidikan Vernakular Melayu di Brunei, 1906-1959", hlm. 98.

16. *BAR*, 1933, hlm. 24; *BAR*, 1934, 17; *BAR*, 1936, hlm. 18, C.O. 824/2, f. 257 dan; *BAR*, 1937, hlm. 32, C.O. 824/2, f. 315. Keadaan yang sama tidak wujud di sekolah-sekolah Cina yang ditaja oleh persatuan-persatuan Cina yang mendapat sedikit sumbangan daripada kerajaan. Ini kerana walaupun pelajar sekolah-sekolah Cina dikenakan yuran antara \$1 - \$1.50 setahun, namun, sekiranya seseorang pelajar itu datang daripada keluarga miskin atau bapanya telah meninggal dunia, maka pelajar tersebut akan dikecualikan daripada membayar yuran tahunan, lihat *BAR*, 1933, hlm. 24.

## ii. Tahap Kedua, 1946-1959

Jepun menyerang Brunei pada 16 Disember 1941 melalui Kuala Belait dan menjelang 22 Disember 1941, tentera Jepun telahpun berjaya menduduki Bandar Brunei. Selepas menduduki Brunei selama lebih kurang tiga setengah tahun, pada 10 Jun 1945 tentera pihak Berikat memasuki Brunei dan menamatkan pendudukan Jepun di Brunei. Dari Jun 1945 hingga Julai 1946, Brunei ditadbir oleh Pentadbiran Tentera British (*British Military Administration/B.M.A.*) sehingga diserahkan kembali kepada kerajaan awam pada 6 Julai 1946.<sup>17</sup>

Akibat pendudukan Jepun rakyat Brunei bukan sahaja hidup dalam kesengsaraan malah sistem pendidikannya juga tergendala. Keadaan di Brunei sejurus selepas Perang Dunia Kedua amatlah menyediakan termasuk sistem pendidikannya. Sekolah Inggeris Kuala Belait yang diusahakan oleh BMPC musnah akibat pengeboman oleh pihak Berikat. Namun demikian, pada 1946 BMPC memulakan kembali operasi sekolah di sebuah bangunan yang disewanya di Kuala Belait.<sup>18</sup> Buat sementara waktu, menjelang 1947 pengelolaan sekolah ini diberikan kepada Roman Catholic Mission. Jumlah pelajar yang menghadiri sekolah ini pada tahun 1946 adalah seramai 100 orang.<sup>19</sup>

Pada 1948, sebuah sekolah siap dibina oleh BMPC di Kuala Belait menjadikan jumlah sekolah Inggeris di Brunei sebanyak empat buah. Daripada jumlah ini, tiga buah sekolah Inggeris dikendalikan atas daya usaha Roman Catholic Mission, manakala sebuah lagi adalah tajaan BMPC. Jumlah pelajar di keempat-empat buah sekolah rendah Inggeris di Brunei pada 1948 adalah seramai 471 orang (lihat Jadual 2 di bawah).<sup>20</sup>

Bukan sahaja Sekolah Inggeris Kuala Belait yang musnah akibat perang, malah Sekolah Inggeris Labuan turut musnah akibat perang. Masalah utama yang dihadapi oleh kerajaan Brunei selepas perang ialah

17. *BAR*, 1946, hlm. 7-8, Misc. 9, Arkib Negara Malaysia (A.N.M.).

18. *Ibid*, hlm. 37.

19. *BAR*, 1947, hlm. 37, Misc. 9, A.N.M.

20. *BAR*, 1948, hlm. 17, Misc. 9, A.N.M.

pendidikan di peringkat menengah kerana tidak terdapatnya sekolah tersebut di Brunei sejak sebelum perang lagi.<sup>21</sup>

Dekad 1950-an menyaksikan pertambahan jumlah sekolah Inggeris di Brunei. Pada 1952 dilaporkan bahawa terdapat sebanyak enam buah sekolah rendah Inggeris di negara itu. Ini termasuklah empat buah sekolah yang sedia ada dan dua sekolah Inggeris bantuan penuh kerajaan yang baru, terletak di Bandar Brunei dan Seria. Sekolah bantuan penuh kerajaan di Bandar Brunei iaitu Brunei English School<sup>22</sup> di buka pada tahun 1951 manakala sekolah di Seria iaitu Seria English School<sup>23</sup> dibuka setahun kemudian.

Pada masa yang sama, jumlah pelajar disemua sekolah Inggeris mulai meningkat apabila pada 1952 terdapat seramai 1,237 orang pelajar (lihat Jadual 2 di bawah).<sup>24</sup> Peningkatan yang berlaku dalam jumlah pelajar di sekolah-sekolah Inggeris bukan sahaja disebabkan oleh peningkatan jumlah kakitangan BMPC bangsa Eropah tetapi juga kerana menjelang 1952, sekolah-sekolah Inggeris bantuan penuh kerajaan sudah menerima masuk pelajar-pelajar dari sekolah Melayu dan Cina yang lulus Darjah 4. Para pelajar dari sekolah vernakular Melayu dan Cina ini yang berumur tidak lebih 14 tahun dimasukkan ke Kelas Peralihan 1 (*Transfer Class 1*) selama dua tahun sebelum menyambung pengajian mereka ke Tingkatan 1 (*Junior Secondary 1*).<sup>25</sup>

Hasilnya, menjelang 1953 kedua-dua buah sekolah kerajaan, iaitu di Bandar Brunei dan Seria mula menawarkan pendidikan menengah rendah sehingga ke peringkat Tingkatan 3.<sup>26</sup> Walaupun pendidikan menengah sehingga Tingkatan 3 ditawarkan oleh sekolah-sekolah Inggeris di Brunei, namun peperiksaan yang

---

21. *BAR*, 1946, hlm. 37, Misc. 9, A.N.M.

22. Pada tahun 1956, sekolah ini ditukarkan nama menjadi Sultan Omar Ali Saifuddien School/College (S. O. A. S.).

23. Menjelang tahun 1956, sekolah ini dikenali dengan nama Kolej Anthony Abell. Anthony Foster Abell ialah Gabenor Sarawak antara tahun 1949-1959.

24. *Annual Report on Brunei for the year 1952* (selepas ini dirujuk sebagai *BAR*, 1952), London, Her Majesty's Stationery Office, 1953, hlm. 45-46.

25. *Ibid.*

26. *State of Brunei, Annual Report 1953* (selepas ini dirujuk sebagai *BAR*, 1953), Kuching, Government Printer, 1954, hlm. 64.

diambil oleh para pelajar Brunei dikendalikan oleh kerajaan Sarawak iaitu *Junior Sarawak Certificate*. Hanya menjelang 1959, barulah ia ditukar menjadi *Junior Brunei Certificate*, walaupun sijil tersebut masih dianugerahkan oleh Jabatan Pendidikan Sarawak.<sup>27</sup> Ekoran perkembangan ini, pada 1957 buat pertama kalinya seramai lapan orang pelajar Brunei menduduki peperiksaan *Overseas Cambridge School Certificate*<sup>28</sup> dan dua tahun kemudian iaitu pada tahun 1959, jumlahnya telah menjadi 34 orang.<sup>29</sup>

Menjelang 1954, sudah terdapat sebanyak enam buah sekolah Inggeris di Brunei, iaitu empat buah sekolah kelolaan badan pengembang agama Kristian manakala dua buah sekolah lagi adalah sekolah bantuan penuh kerajaan. Jumlah pelajar di kesemua enam buah sekolah ini pada tahun tersebut adalah seramai 1,856 orang yakni terdiri daripada seramai 1,182 orang pelajar lelaki dan 674 orang pelajar perempuan. Sekolah tajaan pengembang agama Kristian didapati lebih popular dari sekolah tajaan kerajaan. Sekolah tajaan badan pengembang agama Kristian mempunyai sejumlah 1,608 para pelajar atau 86.6 peratus daripada keseluruhan pelajar Brunei yang mengikuti persekolahan Inggeris pada tahun tersebut.<sup>30</sup>

Suatu lagi perkembangan menarik berlaku pada 1958 apabila Brunei mendapat sekolah menengah berasingan yang pertama bagi pelajar perempuan iaitu dengan penubuhan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di Bandar Brunei (S.T.P.R.I.).<sup>31</sup> Pada tahun tersebut juga, sekolah ini dikatakan mempunyai seramai 506 orang pelajar perempuan.<sup>32</sup>

27. *State of Brunei, Annual Report 1959* (selepas ini dirujuk sebagai *BAR*, 1956). Kuala Belait, Government Printer, 1960, hlm. 64.

28. *State of Brunei, Annual Report 1957* (selepas ini dirujuk sebagai *BAR*, 1957). Kuching, Government Printer 1958, hlm. 64.

29. *BAR*, 1959, hlm. 64.

30. *State of Brunei, Annual Report 1954* (selepas ini dirujuk sebagai *BAR*, 1954). Kuching, Government Printer, 1955, hlm. 66.

31. *State of Brunei, Annual Report 1958* (selepas ini dirujuk sebagai *BAR*, 1958). Kuching, Government Printer, 1959, hlm. 68.

32. "300 Extra Girls Bring Accommodation Problem", *The Borneo Bulletin*, 17 Januari 1959, hlm. 9.

Menjelang 1959, iaitu tahun tamatnya sistem Residen di Brunei, sudahpun terdapat sebanyak sepuluh buah sekolah Inggeris di Brunei dan daripada jumlah ini sebanyak tiga buah sekolah merupakan sekolah bantuan penuh kerajaan manakala yang lainnya pula dikendalikan oleh badan-badan persendirian khususnya badan pengembang agama Kristian dan juga BMPC. Daripada kesemua sepuluh buah sekolah, pendidikan menengah hanya ditawarkan oleh tiga buah sekolah bantuan penuh kerajaan iaitu Kolej Sultan Omar Ali Saifuddien dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di Bandar Brunei serta Kolej Anthony Abell di Seria. Di samping itu, dua buah sekolah lagi, tajaan badan pengembang agama Kristian, iaitu Sekolah St. Michael (Katolik) dan Sekolah St. Angela (Katolik) di Seria juga menawarkan pendidikan menengah. Jumlah pelajar di kesemua sepuluh buah sekolah Inggeris di Brunei di peringkat rendah dan menengah adalah seramai 3,583 orang pada 1959 (lihat Jadual 2).<sup>33</sup>

**Jadual 2: Jumlah Pelajar di Sekolah-sekolah Inggeris di Brunei,  
1946-1959.**

Tahun	Pelajar Lelaki (orang)	Pelajar Perempuan (orang)	Jumlah Keseluruhan
1946	-	-	100
1948	306	165	471
1951	641	326	967
1952	781	456	1,237
1953	967	544	1,511
1954	1,182	674	1,856
1958	1,933	1,203	3,136
1959	2,185	1,398	3,583

Sumber: *Brunei Annual Report, 1946-1959*.

33. *BAR*, 1959, hlm. 67-69.

Dalam usaha memajukan sistem pendidikan Inggeris, salah satu rintangan yang dihadapi adalah berkaitan dengan kekurangan tenaga pengajar terlatih di sekolah-sekolah Inggeris. Masalah ini bukan sahaja terpaksa dihadapi oleh sistem pendidikan Inggeris malah juga sistem pendidikan Melayu.<sup>34</sup> Kebanyakan sekolah-sekolah Inggeris terus menghadapi masalah ini sehingga 1952/1953, kerana menurut satu sumber rasmi "all English Schools, both Government and aided, continue to experience staffing difficulties".<sup>35</sup> Malah keadaannya menjadi lebih serius menjelang tahun 1953 apabila dinyatakan bahawa "there is a great shortage of trained English school teachers in South East Asia".<sup>36</sup> Masalah ini hanya dapat diatasi sebahagiannya menjelang tahun 1954, apabila guru-guru terlatih telah dibawa masuk dari luar. Di samping itu, pada 1954 dimulakan juga satu program menghantar seramai lima orang pelajar Brunei ke Kirkby Training College di England di mana sebanyak \$150,000 telah diperuntukkan bagi tujuan ini.<sup>37</sup> Menjelang tahun 1959, jumlah pelajar Brunei yang sedang mengikuti latihan perguruan adalah seperti berikut:<sup>38</sup>

Kolej Kent, Borneo Utara	=	6 orang
Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim	=	3 orang
Maktab Perguruan Kota Baharu, Kelantan	=	25 orang
Maktab Perguruan Kirkby, England	=	5 orang
Maktab Perguruan Brunei di Berakas	=	92 orang
Institut Bahasa, Kuala Lumpur	=	2 orang
 Jumlah	=	133 orang

34. Lihat Jatswan S. Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi Brunei*, hlm. 86 dan; Jatswan S. Sidhu, "Pengenalan dan Perkembangan Sistem Pendidikan Vernakular Melayu di Brunei 1906-1959", hlm. 96.

35. *BAR*, 1952, hlm. 46.

36. *BAR*, 1953, hlm. 71.

37. *BAR*, 1954, hlm. 72.

38. *BAR*, 1959, hlm. 68.

Walau bagaimanapun, sehingga tahun 1959 sekolah-sekolah Inggeris khususnya sekolah bantuan penuh kerajaan terus menghadapi masalah kekurangan guru-guru terlatih.<sup>39</sup> Ini kerana didapati bahawa walaupun pihak kerajaan berusaha ke arah meningkatkan jumlah tenaga pengajar terlatih di sekolah-sekolah di Brunei, namun tumpuan mereka lebih banyak diberikan kepada sekolah-sekolah Melayu. Daripada seramai 133 orang yang sedang menjalani latihan perguruan pada tahun 1959, hanya seramai lima orang atau 3.7 peratus sahaja yang sedang mengikuti pengkhususan dalam Bahasa Inggeris di England.

Seperkara lagi, walaupun sejak peringkat awal lagi sekolah-sekolah Inggeris yang dikendalikan oleh badan pengembang agama Kristian diberi sedikit sebanyak sumbangan kewangan oleh pihak kerajaan, namun menjelang 1959 kerajaan mengambil keputusan menarik balik bantuan tersebut. Alasan yang diberikan oleh kerajaan Brunei ialah langkahnya menaja atau membantu sekolah-sekolah itu khususnya yang dikendalikan oleh badan pengembang agama Kristian adalah bertentangan dengan ajaran agama Islam. Dalam satu keputusan yang dibuat di Majlis Negeri (State Council) pada bulan Jun 1959, kerajaan Brunei menarik balik semua jenis bantuan yang dihulurkan kepada sekolah-sekolah Inggeris tajaan badan pengembang agama Kristian. Antara sekolah-sekolah yang terlibat dengan keputusan itu ialah:<sup>40</sup>

- i. Sekolah Menengah St. Michaels (Catholic), Seria
- ii. Sekolah Perempuan St. Angelas (Catholic), Seria
- iii. Sekolah St. Margaret (Anglican), Seria<sup>41</sup>
- iv. Sekolah St. John (Catholic), Kuala Belait
- v. Sekolah St. Philips & St. James (Anglican), Kuala Belait
- vi. Sekolah St. George (Catholic), Bandar Brunei
- vii. Sekolah St. Andrew (Anglican), Bandar Brunei<sup>41</sup>

Walaupun bantuan kewangan bagi semua sekolah Inggeris tajaan badan pengembang agama Kristian ditarik balik oleh kerajaan, namun keputusan ini

39. *Ibid.*, hlm. 65.

40. "Brunei Government to End Grants to Mission Schools", *The Borneo Bulletin*, 20 Jun 1959, hlm. 1.

41. Sekolah ini ditubuhkan pada awal tahun 1959.

tidak menjelaskan kedudukan sekolah-sekolah Cina tajaan persatuan-persatuan Cina yang terus menerima bantuan kerajaan selepas 1959.<sup>42</sup>

Jika ditinjau kembali perkembangan pendidikan Inggeris di Brunei jelas bahawa permulaannya adalah lambat jika dibandingkan dengan sistem pendidikan vernakular Melayu dan Cina.<sup>43</sup> Selain itu, sistem pendidikan Inggeris ini juga kurang mendapat sambutan daripada rakyat Brunei pada tahun-tahun sebelum perang (lihat Jadual 3 di bawah).

**Jadual 3: Sekolah-sekolah Melayu, Cina dan Inggeris dan Jumlah Pelajarnya pada 1938.**

Jenis Sekolah	Jumlah Sekolah	Jumlah Penuntut (orang)
Sekolah Melayu	21	1810
Sekolah Cina	4	345
Sekolah Inggeris	3	176

Sumber: *Brunei Annual Report*, 1938, hlm. 33-35, C.O. 824/2, f. 379-380.

Daripada jumlah pelajar seramai 2,331 orang di semua sekolah di seluruh Brunei pada 1938, sekolah-sekolah Inggeris hanya dihadiri oleh seramai 176 orang pelajar sahaja yakni sebanyak 7.5 peratus sahaja daripada jumlah itu. Kurangnya sambutan ini disebabkan oleh kekhawatiran para ibu bapa terhadap aktiviti perkembangan agama Kristian, khususnya ibu bapa yang beragama Islam. Lagipun daripada sejumlah tiga buah sekolah Inggeris di Brunei pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua, dua daripada sekolah Inggeris itu diusahakan oleh badan pengembang agama Kristian yang sememangnya

42. *Ibid.*

43. Sekolah Cina yang pertama di Brunei telah pun didirikan sejak tahun 1916 lagi di Kuala Belait, lihat *BAR*, 1916, hlm. 5, C.O. 824/1, f. 90.

menubuhkan sekolah-sekolah tersebut atas tujuan mengembangkan agama tersebut.<sup>44</sup> Selain itu, sekolah Inggeris yang satu lagi iaitu Sekolah Inggeris Kuala Belait yang diusahakan oleh BMPC pula adalah untuk anak kakitangannya sahaja, walaupun ia sememangnya dibuka kepada para pelajar yang ibu bapanya bukan kakitangan BMPC dan berkemampuan.

Sikap ibu bapa daripada kaum Melayu terhadap pendidikan bagi wanita juga boleh dinyatakan sebagai salah satu faktor yang telah membantutkan perkembangan sistem pendidikan moden umumnya dan sistem pendidikan Inggeris khususnya.<sup>45</sup> Sehingga 1937, didapati ramai ibu bapa Melayu beragama Islam tidak menghantar anak perempuan mereka ke sekolah.<sup>46</sup> Menurut suatu kenyataan oleh pihak kerajaan, pada 1933 didapati bahawa:<sup>47</sup>

Apart from Government servants few Malays like the idea of their girls attending school. It is hoped, however, that slow progress will be made against the wall of conservatism. It must be remembered that "purdah" has a much stronger hold in Brunei than in the Federated Malay States.

Masalah sambutan yang diberikan oleh orang Melayu ini bukanlah setakat tidak menghantar anak perempuan mereka ke sekolah malah dalam satu laporan kerajaan pada 1952, didapati ramai juga yang tidak menghantar anak laki-laki mereka ke sekolah. Menurut laporan itu juga, didapati bahawa dari segi kehadiran di sekolah bagi kanak-kanak berumur antara 6-14 tahun yang berjumlah seramai 10,155 orang di seluruh negara pada tahun itu, hanya seramai 48 peratus daripada kanak-kanak tersebut yang pergi sekolah. Daripada jumlah tersebut, pelajar Melayu mencatat peratusan yang paling rendah berbanding dengan kaum-kaum lain. Ini kerana terdapat ibu bapa Melayu, khususnya di kawasan pedalaman yang tidak mahu menghantar anak mereka (khususnya

44. BAR, 1936, hlm. 18, C.O. 824/2, f. 257. Untuk keterangan lanjut mengenai usaha-usaha pengembangan agama Kristian di Brunei lihat, John Rooney, *Khabar Gembira (The Good News), A History of the Catholic Church in East Malaysia and Brunei (1880-1976)*, London Burn & Oates Ltd. & Mill Hill Missionaries, 1981.

45. Jatswan S. Sidhu, "Pengenalan dan Perkembangan Sistem Pendidikan Vernakular Melayu di Brunei, 1906-1959", hlm. 97.

46. BAR, 1937, hlm. 32, C.O. 824/2, f. 315.

47. BAR, 1933, hlm. 23, C.O. 824/2, f. 134.

anak perempuan) ke sekolah ataupun hanya mengantar anak ke sekolah setelah anak mereka berumur lebih tujuh tahun.<sup>48</sup>

Dalam hal ini, perlu juga diteliti sikap pihak British terhadap pendidikan. Didapati pihak British tidak bersungguh-sungguh dalam usahanya memajukan sistem pendidikan di Brunei khususnya pendidikan Inggeris. Sehingga Perang Dunia Kedua, tidak terdapat sebahupun sekolah Inggeris bantuan penuh kerajaan sedangkan semua sekolah Melayu iaitu sejumlah 21 buah sekolah merupakan sekolah bantuan penuh kerajaan. Semua sekolah Melayu ini pula hanya menawarkan pendidikan rendah sahaja dan peluang melanjutkan pendidikan menengah di kalangan para pelajar Melayu amatlah terhad sekali. Cuma para pelajar sekolah Melayu yang memperolehi keputusan cemerlang sahaja dihantar oleh kerajaan bagi melanjutkan pengajian di Sekolah Inggeris Labuan. Bagi pihak British adalah memadai sekadar menyediakan pendidikan rendah Melayu bagi orang Melayu. Hakikat ini terbayang melalui kenyataan berikut: "Nothing is taught which will tend to drive Malays from their agricultural pursuits".<sup>49</sup> Dalam hal ini, alasan yang dikemukakan oleh pihak British bagi mempertahankan sikap mereka terhadap pendidikan adalah:<sup>50</sup>

The country is not yet ready for any elaborate educational schemes (since there are practically no offerings for a well-educated Brunei in his native land and he is loath to leave it).

Jelaslah bahawa pihak British kurang bersungguh-sungguh dalam usahanya memajukan pendidikan khususnya pendidikan Inggeris. Ini kerana walaupun mereka berusaha mengembangkan pendidikan Melayu namun sebelum Perang Dunia Kedua tidak wujud peluang melanjutkan pendidikan di peringkat menengah dalam aliran Melayu ataupun aliran Inggeris. Sehingga 1947, kadar buta huruf di Brunei masih tinggi. Pada tahun tersebut, didapati 73.9 peratus daripada sejumlah 40,657 orang penduduk Brunei masih buta huruf. Malah sehingga tahun 1960, kadar buta huruf di Brunei masih tinggi iaitu 52.1 peratus daripada jumlah penduduknya yang seramai 83,877.<sup>51</sup>

48. BAR, hlm. 1952, 35.

49. BAR, 1928, hlm. 22, C.O. 824/1, f. 281.

50. BAR, 1923, hlm. 13, C.O. 824/1, f. 165.

51. Horton, *The British Residency in Brunei*, hlm. 95.

Sikap dan komitmen pihak British terhadap pendidikan beraliran Inggeris tidak banyak berubah dalam tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua. Ini kerana walapun bilangan sekolah Inggeris bertambah selepas perang namun jumlahnya masih jauh lebih kecil berbanding dengan sekolah-sekolah Melayu (lihat Jadual 4).

**Jadual 4: Jumlah Sekolah Inggeris berbanding dengan Sekolah-Sekolah Melayu dan Cina, 1948-1959.**

Tahun	Sek. Melayu	Sek. Cina	Sek. Inggeris	Jumlah
1948	24	5	3	32
1951	29	4	6	39
1952	32	5	7	42
1953	34	5	7	46
1954	35	6	7	48
1959	52	8	10	70

Sumber: *Brunei Annual Report*, 1948-1959.

Dari Jadual 4 di atas, didapati perkembangan persekolahan Inggeris tidaklah sehebat perkembangan pendidikan, rendah Melayu. Ini jelas membayangkan sikap pihak British terhadap pendidikan khususnya pendidikan menengah. Bagi British, pendidikan Melayu diberikan sekadar melahirkan orang Melayu yang dapat mengenal huruf Rumi sahaja dan supaya dapat berkhidmat sebagai kakitangan bawahan dalam perkhidmatan kerajaan. Tujuan mereka bukanlah bagi melahirkan golongan Melayu yang berpendidikan tinggi. Ini amat jelas jika dilihat perkembangan dalam pendidikan menengah di Brunei, khususnya dalam zaman selepas Perang Dunia Kedua, di mana walaupun pendidikan rendah Melayu lebih cepat berkembang jika dibandingkan dengan pendidikan Inggeris, namun pendidikan menengah hanya ditawarkan di sekolah-sekolah Inggeris sahaja. Pada tahun 1959 daripada sejumlah 70 buah sekolah di Brunei, sekolah Inggeris hanya merangkumi sebanyak 14.2 peratus sahaja atau sepuluh buah sekolah. Daripada jumlah ini pula, hanya terdapat lima buah sekolah Inggeris sahaja iaitu tiga buah sekolah bantuan penuh kerajaan dan dua buah sekolah tajaan badan pengembang agama Kristian yang menawarkan pendidikan

menengah.<sup>52</sup> Bilangan pelajar di semua sekolah Melayu adalah seramai 7,124 orang sedangkan pendidikan menengah hanya ditawarkan kepada sejumlah 1,259 orang sahaja (pelajar dari semua aliran).<sup>53</sup>

Tambahan pula, peruntukan kewangan oleh kerajaan dalam bidang pendidikan sehingga tercetusnya Perang Dunia Kedua juga amat kecil jika dibandingkan dengan pendapatan negara (lihat Jadual 5 di bawah). Pada tahun 1950-an, walaupun peruntukan pendidikan bertambah, namun ianya masih kecil jika dibandingkan dengan jumlah pendapatan Brunei. Umparnanya, pada 1952 jumlah pendapatan Brunei ialah sebanyak \$75,652,619 manakala peruntukan pendidikannya cuma sebanyak \$412,000 atau sebanyak 0.5 peratus daripada jumlah pendapatan negara pada tahun tersebut.<sup>54</sup> Malah sehingga 1959, peruntukan pendidikan Brunei adalah sebanyak \$3,754,111 atau 2.8 peratus daripada jumlah pendapatan negara sebanyak \$129,568,762.<sup>55</sup>

**Jadual 5: Jumlah Pendapatan Negara Brunei dan Jumlah Peruntukan Pendidikan serta peratusnya daripada Jumlah Pendapatan Negara, 1921-1941.**

Tahun	Pendapatan Negara	Peruntukan Pendidikan	% Peruntukan Pendidikan berbanding Pendapatan Negara
1921	\$161,520	\$1,671	1.0%
1926	\$396,834	\$3,268	0.8%
1931	\$342,011	\$9,603	2.8%
1936	\$928,689	\$14,445	1.5%
1941	\$1,325,912	\$42,562	3.2%

Sumber: Horton, *The British Residency in Brunei*, hlm. 84 & 94.

52. BAR, 1959, hlm. 62-66.

53. *Ibid.*, hlm. 63 & 69.

54. BAR, 1952, hlm. 53 dan; BAR, 1953, hlm. 17

55. BAR, 1959, hlm. 18-19.

Dari Jadual 5 di atas, didapati bahawa pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua pihak British memperuntukan sejumlah wang yang agak kecil bagi bidang pendidikan. Walaupun boleh dikatakan Brunei sendiri menghadapi masalah kewangan<sup>56</sup> namun ini dapat di atasi selepas 1932 apabila Brunei mulai mengeksport minyaknya.<sup>57</sup> Namun begitu peruntukan kewangan bagi bidang pendidikan masih kecil berbanding dengan jumlah pendapatan yang telah berlipat ganda yang diperolehi selepas 1932.

Seperkara lagi tentang perkembangan pendidikan Inggeris ialah jumlah penduduk Eropah di Brunei yang kecil pada zaman sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua berbanding dengan jumlah keseluruhan penduduk Brunei. Misalnya pada 1911, penduduk berbangsa Eropah hanya berjumlah 0.09 peratus (atau 20 orang) sahaja daripada sejumlah 20,982 orang penduduk Brunei<sup>58</sup> manakala pada 1921, peratusannya tidak banyak berubah, iaitu sebanyak 0.13 peratus (atau 35 orang) daripada sejumlah 25,454 orang.<sup>59</sup> Jumlah yang kecil ini merangkumi pegawai kakitangan kerajaan dan sebilangan kecil kakitangan syarikat yang sedang mencari gali minyak di Brunei. Sehingga tahun 1938, jumlah penduduk bangsa Eropah di Brunei masih kecil, iaitu seramai 70 orang atau 0.18 peratus sahaja berbanding dengan jumlah penduduk Brunei yang seramai 37,868 orang.<sup>60</sup> Hanya selepas Perang Dunia Kedua, barulah kelihatan satu peningkat kecil dalam penduduk berbangsa Eropah di Brunei, khususnya apabila lebih banyak minyak mulai dieksport oleh negara itu. Selepas perang, iaitu pada 1947, jumlah penduduk bangsa Eropah hanya merangkumi sebanyak 1.5 peratus sahaja daripada jumlah penduduk Brunei yang seramai 54,109 orang.<sup>61</sup> Keadaan ini tidak banyak berubah sehingga 1959 apabila jumlah penduduk bangsa Eropah masih merangkumi sebanyak 1.5 peratus sahaja daripada jumlah penduduk Brunei yang seramai 85,227 orang.<sup>62</sup> Walau

56. Jatwan S. Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi Brunei*, hlm. 18-19. Horton, *The British Residency in Brunei*, hlm. 23 dan; Brown, "Socio-Political History of Brunei", hlm. 243.

57. Jatwan Singh, "Sejarah Sosio-Ekonomi Brunei", hlm. 33-34 & 40-41. Lihat juga Horton, *The British Residency in Brunei*, hlm 84-87.

58. *BAR*, 1911, hlm. 11, C.O. 824/1, f. 134.

59. *BAR*, 1921, hlm. 7, C.O. 824/1, f. 134.

60. *BAR*, 1938, hlm. 5-6, C.O. 824/2, f. 354-365.

61. *BAR*, 1953, hlm. 8-9.

62. *BAR*, 1959, hlm. 6-7.

bagaimanapun, jumlah kecil penduduk bangsa Eropah ini dianggap sebagai suatu yang agak besar dan penting jika dibandingkan dengan lain-lain kawasan di Asia Tenggara kerana menurut satu sumber rasmi:<sup>63</sup>

In the past the numbers of Europeans have been infinitesimal compared to the remainder of the population but in the Seria-Kuala Belait area, where over 800 Europeans are employed by the Oilfields, is found probably one of the largest and most compact European communities in South-East Asia. Its influence is immense.

Jadi dapatlah dikatakan bahawa perkembangan yang lebih pesat dalam sistem pendidikan Inggeris di Brunei pada zaman selepas Perang Dunia Kedua jika dibandingkan dengan era sebelum perang, sedikit sebanyak juga disebabkan oleh peningkatan dalam penduduk bangsa Eropah di Brunei.

Walaupun Brunei menyaksikan pengenalan sistem pendidikan Inggeris melalui perlaksanaan sistem Residen menjelang 1906, namun perkembangannya agak perlahan jika dibandingkan dengan pendidikan Melayu. Ini dapat dikaitkan dengan masalah kewangan negara itu sendiri dan khususnya sebelum 1932 oleh sikap pihak British yang kurang bersungguh-sungguh serta kurangnya sambutan yang diberikan oleh orang Melayu dan Cina. Perkembangan sistem pendidikan Inggeris di Brunei bagi zaman sebelum dan selepas perang lebih banyak merupakan daya usaha badan pengembang agama Kristian daripada inisiatif kerajaan. Badan pengembang agama Kristian, khususnya Roman Catholic Mission telah memainkan peranan yang lebih aktif daripada kerajaan dalam usaha memajukan pendidikan Inggeris. Pihak kerajaan hanya mula memainkan peranan yang lebih aktif pada zaman selepas Perang Dunia Kedua, khususnya dalam tahun-tahun 1950-an. Ini kerana bukan sahaja ekonomi Brunei telah menjadi lebih mantap pada masa itu malah keperluan bagi golongan terdidik, khususnya dari kalangan orang Melayu, juga mulai meningkat seiring dengan pertumbuhan pesat ekonomi Brunei.

63. BAR, 1953, hlm 7.